

THELBAN SUSPENSION/ TABLET *Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna(RiMUP)*

Albendazole (100mg/5 mL, 200mg/5ml, 200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Thelban*
2. Bagaimana *Thelban* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Thelban*
4. Cara menggunakan *Thelban*
5. Semasa menggunakan *Thelban*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Thelban*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Thelban*

Rawatan jangkitan cacing seperti cacing bulat, cacing cemeti, cacing peniti atau cacing benang, cacing kerawit dan lain-lain.

Bagaimana *Thelban* berfungsi

Ia berfungsi dengan membunuh cacing, telur atau peringkat larva cacing.

Sebelum mengambil *Thelban*

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan ambil *Thelban* jika:

- Anda alah kepada *Albendazole* atau mana-mana bahan dalam ubat ini
- Anda mengandung atau akan hamil

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil *Thelban* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *Thelban* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula mengambil*

Ia boleh menyebabkan kemudaratan janin; oleh itu, wanita yang boleh mengandung harus memulakan rawatan selepas ujian kehamilan negatif.

Jangan ambil *Thelban* jika anda mempunyai penyakit *hydatid* (jangkitan oleh peringkat larva cacing pita anjing).

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasarnya, atau kedai makanan kesihatan.

Terutamanya jika anda mengambil dexamethasone (sejenis steroid) atau theophylline (untuk asma).

Cara menggunakan *Thelban*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa dan kanak-kanak berumur lebih daripada 2 tahun: 400mg sebagai dos tunggal diambil dengan makanan.

Untuk jangkitan tertentu:

Dos biasa ialah 400 mg sekali atau dua kali sehari selama tiga hari berturut-turut.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tiada dos berlebihan pernah dilaporkan untuk *Thelban*.

Semasa menggunakan *Thelban*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Thelban*

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Thelban* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Memandu dan menggunakan jentera
Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Thelban* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan termasuk sakit perut dan cirit-birit. Lain-lain termasuk tindak balas alergi, meningkatkan enzim hati, mengurangkan sel darah putih, dan kehilangan rambut

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Thelban

- *Penyimpanan*

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di suhu tidak melebihi 30°C.

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Thelban suspension

Ampaian berkrim putih dengan perisa oren yang manis.

Thelban tablet

Bulat, dwicembung, tablet putih bersalut filem, mempunyai logo BIOLAB pada satu permukaan dan licin di permukaan lain.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif
Albendazole

- Bahan tidak aktif

Thelban suspension 100mg.5ml

Avicel RC 591, Glycerin, Methylparaben, Propylparaben, Propylene Glycol, Saccharin Sodium, Sucrose, Sodium Carboxymethylcellulose, Polysorbate 80, Sweet Orange Essence, Purified Water

Thelban suspension 200mg/5ml

Citric acid monohydrate, Glycerin, Methylparaben, Propylparaben, Propylene Glycol, Saccharin Sodium, Sucrose, Microcrystalline cellulose dan Sodium Carboxymethylcellulose, Polysorbate 80, Sweet Orange Essence, Purified Water

Thelban tablet

Lactose, Tapioca Starch, Purified Water, Povidone K-30, Docusate Sodium, Saccharin Sodium, Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate, Talcum, Titanium Dioxide, Eudragit E-100, Acetone, Isopropyl Alcohol, Polyethylene Glycol 400

- *Nombor MAL*

Thelban suspension 100mg/5ml

MAL19984363XZ

Thelban suspension 200mg/5ml

MAL07031273XZ

Thelban tablet

MAL19984364XZ

Pengilang

Biolab co., ltd.

625 Soi 7A Bangpoo Industrial Estate, Sukhumvit Road, Moo 4, Prakasa, Muang, Samutprakarn 10280, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn. Bhd.

55&57, Lorong Sempadan 2 (Off Boundary Road), 11400 Ayer Item, Penang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

2.1.2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)290118/00029